

Ada menteri, MB bersara

BN 24 JUL 1986

Oleh NAZAR ABDUL

"Pada masa ini pembahagian kerusi bagi parti-parti komponen BN sudah selesai, cuma tinggal beberapa perkara kecil yang perlu diputuskan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan *Seminar Komoditi Antarabangsa* di sini, pagi ini.

Perdana Menteri menjelaskan, perubahan kawasan bagi mereka yang berkenaan perlu bagi memperbaiki kedudukan parti dan kerajaan.

"Kita selalu membuat perubahan ini kerana ia adalah perkara biasa dan tidak perlu dihairankan," tegas beliau.

Mengenai keputusan Berjaya keluar daripada BN, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, itu adalah hak parti berkenaan dan beliau tidak mahu mengulas lebih lanjut.

Ditanya sama ada tindakan itu akan menjejaskan prestasi BN di Sabah, Perdana Menteri berkata: "Saya tidak fikir tindakan mereka boleh menjejaskan prestasi BN."

KUALA LUMPUR, Isnin — Beberapa menteri dan Menteri Besar tidak akan bertanding dalam pilihanraya kali ini kerana mereka ingin bersara, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Ada juga Menteri Besar yang akan bertanding kerusi Dewan Rakyat manakala beberapa menteri dan timbalan menteri akan bertanding kerusi Dewan Undangan Negeri," katanya.

Perdana Menteri berkata, senarai lengkap dan rasmi calon-calon Barisan Nasional (BN) yang akan bertanding dalam pilihanraya umum 2 dan 3 Ogos ini akan diumumkan lusa.

Menurutnya, pengerusi-pengerusi BN negeri akan mengumumkan senarai calon-calon mereka, termasuk kawasan-kawasan yang akan mereka tandangi. Penamaan calon ialah pada 24 Julai.

Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga pengerusi BN, berkata manifesto BN yang berslogankan *Tradisi Membela Rakyat* akan dilancarkan pada hari yang sama.